



KETUA PENGARAH INSOLVENSI
JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA
ARAS 3, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3
PUTUS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
MALAYSIA

Laman Web : www.insolvensi.gov.my

No. Telefon : 03-88851249/

03-88851250

No. Faks : 03-88851286

Ruj. Kami: MdI.BDPKS.100-1/7/1

Tarikh : 29 April 2022

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi

Pengarah Insolvensi

Pengarah Insolvensi Negeri

Timbalan Pengarah Insolvensi

Penolong Kanan Pengarah Insolvensi

Penolong Pengarah Insolvensi

Pegawai Insolvensi

Tuan/Puan,

**ADENDUM KETIGA KE ATAS ADENDUM ARAHAN KETUA PENGARAH
INSOLVENSI BIL. 1/2018 – TATACARA BERKAITAN BUKTI HUTANG (“POD”)
DALAM PROSIDING KEBANKRAPAN DAN PENGGULUNGAN SYARIKAT**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana yang tuan/puan sedia maklum, Arahan Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) Bil. 1/2018 - Tatacara Berkaitan Bukti Hutang (POD) Dalam Prosiding Kebankrapan dan Penggulungan Syarikat, Adendum Arahan KPI Bil. 1/2018 bertarikh 17 Mei 2019 serta Adendum Kedua Arahan KPI Bil.1/2018 bertarikh 7 September 2021 yang telah dikeluarkan bagi memberi garis panduan mengenai tatacara pemeriksaan POD dalam prosiding kebankrapan dan penggulungan syarikat.

3. Merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 29 November 2021 di dalam kes ***Malayan Banking Berhad (3813-K) v Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia, Rayuan Sivil No. W-01(IM)-528-10/2020***, Mahkamah Rayuan telah membuat penghakiman yang dirumuskan secara ringkasnya seperti berikut:

- 3.1 Dengan merujuk kepada Seksyen 11(b) Akta Sivil 1956 [Akta 67], Mahkamah Rayuan telah mengiktiraf pengiraan faedah berganda (*compound interest*) yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak dalam perjanjian kemudahan bank bagi pengiraan faedah pra penghakiman (*prejudgement*). Oleh yang demikian, pihak bank (pemutang) layak untuk menuntut faedah dalam perjanjian/kontrak yang telah dimasuki dan dipersetujui termasuklah faedah jenis ini. Dalam erti kata yang lain, bagi tuntutan hutang dan faedah pra penghakiman, kadar faedah yang dikira dan boleh dituntut adalah semua faedah yang dinyatakan di bawah kontrak/perjanjian yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak. Namun begitu, perkara ini juga tertakluk kepada perintah penghakiman yang dikeluarkan oleh Mahkamah dan juga dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pemutang yang berkenaan ketika memfailkan POD; dan

- 3.2 Bagi pengiraan faedah hutang pasca kehakiman (*post judgement*), pengiraan faedah 6% yang dikira berdasarkan peruntukan Seksyen 43(6) Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] perlu diambil kira ke atas jumlah keseluruhan penghakiman iaitu termasuklah jumlah pokok (prinsipal), faedah pra penghakiman, faedah ingkar dan lain-lain faedah/kos [*'jumlah penghakiman'*] yang dinyatakan dalam penghakiman. Mahkamah Rayuan memutuskan Seksyen 43(6) Akta 360 ini perlu dibaca bersama dengan Aturan 42, Kaedah 12, Kaedah-kaedah Mahkamah 2012.

4. Oleh yang demikian, bagi melancarkan proses kerja pemeriksaan POD dalam prosiding kebankrapan dan penggulungan syarikat, pindaan telah dibuat bagi **item D(i)(26), D(i)(28) dan E(i)(45) Lampiran A**, Arahan KPI Bil.1/2018 dan **item D(i)(27), D(i)(29) dan E(i)(45) Lampiran B**, Arahan KPI Bil.1/2018 sebagaimana

yang dilampirkan. Lanjutan daripada itu, Lampiran D1, Arahan KPI Bil.1/2018 iaitu berkenaan dengan contoh pengiraan POD yang mempunyai penghakiman adalah dibatalkan dan digantikan dengan Lampiran D1(A) yang turut dilampirkan bersama-sama dengan Adendum Ketiga ini. Pindaan kepada contoh pengiraan ini terpakai bagi kes kebankrapan dan penggulungan syarikat.

5. Arahan KPI Bil.1/2018, Adendum Arahan KPI Bil. 1/2018 bertarikh 17 Mei 2019 serta Adendum Kedua Arahan KPI Bil. 1/2018 bertarikh 7 September 2021 masih berkuat kuasa dan Adendum Ketiga ke atas Arahan KPI Bil. 1/2018 ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

6. Kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' ANITA HARUN)

LAMPIRAN

A

D. PENGIRAAN KADAR FAEDAH				
(i) Kadar Faedah (<i>Interest Rate</i>) & Pengiraan Melibatkan Pemiutang Tak Bercagar				
BIL	PERKARA	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG		
		AKTA KEBANKRAPAN 1967 (AKTA 360) & KADEAH- KADEAH KEBANKRAPAN 1969 (P.U(A) 199/1969) *Terpakai dalam kes- kes yang difailkan sebelum 6 Oktober 2017	AKTA KEBANKRAPA N 1967 (AKTA 360) & KADEAH- KADEAH KEBANKRAPA N 1969 (P.U(A) 199/1969) *Terpakai dalam kes-kes yang difailkan selepas 6 Oktober 2017	AKTA-AKTA LAIN, KES UNDANG- UNDANG, DLL
26.	Bagi hutang berdasarkan kontrak / perjanjian atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis tanpa penghakiman, kadar faedah dikira berdasarkan faedah yang dinyatakan di bawah kontrak / perjanjian atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis tanpa penghakiman dan dikira bermula dari tarikh hutang kena dibayar sehingga tarikh perintah penerimaan / perintah kebankrapan atau tidak melebihi 6 tahun yang mana berlaku lebih awal.	Perenggan 24 Jadual C	Perenggan 24 Jadual C	<p><i>Malayan Banking Berhad (3813-K) v Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia, Rayuan Sivil No. W-01(IM)-528-10/2020</i></p> <p>Pengiraan faedah berganda (<i>compound interest</i>) atau apa-apa terma jenis faedah yang membawa maksud yang sama yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak dalam kontrak/ perjanjian kemudahan bank boleh dituntut oleh pemiutang. Namun perkara ini juga tertakluk kepada dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pemiutang bersama dengan POD yang difailkan.</p>

28.	<p>Bagi hutang dengan penghakiman, faedah ke atas jumlah keseluruhan penghakiman hutang dikira bermula dari tarikh penghakiman mengikut kadar yang ditetapkan dalam penghakiman sehingga tarikh perintah penerimaan / perintah kebankrapan atau tidak melebihi 6 tahun yang mana berlaku lebih awal.</p>			<p>Seksyen 6(3) Limitation Act 1953 (Act 254)</p> <p>Aturan 42, Kaedah 12, Kaedah-kaedah Mahkamah 2012</p> <p>Omega Securities Sdn Bhd v Gabriel Ng Seong Kit [2012] MLJU 393</p> <p>Perwira Affin Bank Bhd v Lim Ah Hee [2004] 2 CLJ 787</p> <p><i>Malayan Banking Berhad (3813-K) v Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia, Rayuan Sivil No. W-01(IM)-528-10/2020</i></p> <p>Jumlah keseluruhan penghakiman termasuklah jumlah pokok (<i>prinsipal</i>), faedah pra penghakiman (<i>prejudgement</i>), faedah ingkar dan lain-lain faedah/kos yang dinyatakan dalam penghakiman.</p>
-----	--	--	--	--

E. PENERIMAAN POD BAGI TUJUAN PEMBAYARAN DIVIDEN

(i) Kadar Faedah (*Interest Rate*) & Pengiraan

45.	<p>Bagi tujuan pembayaran dividen, faedah 6% setahun dikenakan sehingga tarikh perintah penerimaan / perintah kebankrapan atau tidak melebihi 6 tahun dari tarikh kausa tindakan, yang mana berlaku lebih awal.</p>	S43(6)	S43(6)	<p>Seksyen 6(3) Limitation Act 1953 (Act 254) Aturan 42, Kaedah 12, Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 Omega Securities Sdn Bhd v Gabriel Ng Seong Kit [2012] MLJU 393 Perwira Affin Bank Bhd v Lim Ah Hee [2004] 2 CLJ 787 <i>Malayan Banking Berhad (3813-K) v Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia, Rayuan Civil No. W-01(IM)-528-10/2020</i></p>
-----	---	--------	--------	---

LAMPIRAN

B

D. PENGIRAAN KADAR FAEDAH				
(i) Kadar Faedah (<i>Interest Rate</i>) & Pengiraan Melibatkan Pemutang Tak Bercagar				
BIL	PERKARA	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG		
		AKTA SYARIKAT 1965 (AS 1965) & KAEDAH-KAEDAH SYARIKAT (PENGGULUNGAN 1972 (KKSP 1972) *Terpakai dalam mana-mana prosiding yang difaiklan sebelum 31 Januari 2016	AKTA SYARIKAT 1965 (AS 1965) & KAEDAH-KAEDAH SYARIKAT (PENGGULUNGAN 1972 (KKSP 1972) *Terpakai dalam mana-mana prosiding yang difaiklan selepas 31 Januari 2016	AKTA-AKTA LAIN, KES UNDANG-UNDANG, DLL
27.	Bagi hutang berdasarkan kontrak / perjanjian atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis tanpa penghakiman, kadar faedah dikira berdasarkan faedah yang dinyatakan di bawah kontrak / perjanjian atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis tanpa penghakiman dan dikira bermula dari tarikh hutang kena dibayar sehingga tarikh perintah penggulungan atau tidak melebihi 6 tahun yang mana berlaku lebih awal.	Kaedah 87	Kaedah 87	<i>Malayan Banking Berhad (3813-K) v Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia, Rayuan Sivil No. W-01(IM)-528-10/2020</i> Pengiraan faedah berganda (<i>compound interest</i>) atau apa-apa terma jenis faedah yang membawa maksud yang sama yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak dalam kontrak/ perjanjian kemudahan bank boleh dituntut oleh pemutang. Namun perkara ini juga tertakluk kepada dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pemutang bersama dengan POD yang difaiklan.

29.	<p>Bagi hutang dengan penghakiman, faedah ke atas jumlah keseluruhan penghakiman hutang dikira bermula dari tarikh penghakiman mengikut kadar yang ditetapkan dalam penghakiman sehingga tarikh perintah penggulungan atau tidak melebihi 6 tahun yang mana berlaku lebih awal.</p>			<p>Seksyen 6(3) Limitation Act 1953 (Act 254)</p> <p>Aturan 42, Kaedah 12, Kaedah-kaedah Mahkamah 2012</p> <p>Omega Securities Sdn Bhd v Gabriel Ng Seong Kit [2012] MLJU 393</p> <p>Perwira Affin Bank Bhd v Lim Ah Hee [2004] 2 CLJ 787</p> <p><i>Malayan Banking Berhad (3813-K) v Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia, Rayuan Civil No. W-01(IM)-528-10/2020</i></p> <p>Jumlah keseluruhan penghakiman termasuklah jumlah pokok (<i>prinsipal</i>), faedah pra penghakiman (<i>prejudgement</i>), faedah ingkar dan lain-lain faedah/kos yang dinyatakan dalam penghakiman.</p>
-----	---	--	--	--

E. PENERIMAAN POD BAGI TUJUAN PEMBAYARAN DIVIDEN

(i) Kadar Faedah (*Interest Rate*) & Pengiraan

45.	<p>Bagi tujuan pembayaran dividen, faedah 6% setahun dikenakan sehingga tarikh perintah penggulungan ATAU tidak melebihi 6 tahun dari tarikh kausa tindakan, yang mana berlaku lebih awal.</p>	<p>S 291(2) Kaedah 87</p>	<p>Kaedah 87</p>	<p>Seksyen 6(3) Limitation Act 1953 (Act 254)</p> <p>Aturan 42, Kaedah 12, Kaedah-kaedah Mahkamah 2012</p> <p>Omega Securities Sdn Bhd v Gabriel Ng Seong Kit [2012] MLJU 393</p> <p>Perwira Affin Bank Bhd v Lim Ah Hee [2004] 2 CLJ 787</p> <p><i>Malayan Banking Berhad (3813-K) v Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia, Rayuan Sivil No. W-01(IM)-528-10/2020</i></p> <p>*Peruntukan AI 1967 terpakai dalam penggulungan syarikat menurut seksyen 4(1) Civil Law Act 1956 [Act 67] bagi kes sebelum tarikh kuat kuasa Akta 31.1.2016</p>
-----	--	-------------------------------	------------------	--

CONTOH PENGIRAAN POD YANG MEMPUNYAI PENGHAKIMAN

Fakta Kes	
Tarikh	Keterangan
25.4.2014	Penghutang Penghakiman (JD) ingkar membayar RM50,954.09 kepada Pemutang Penghakiman (JC)
26.06.2014	JC memperoleh penghakiman secara ingkar kehadiran (JID) terhadap JD bagi jumlah RM50,954.09 bersama faedah pada kadar 8% setahun atas RM50,921.04 sebagaimana dinyatakan dalam Penghakiman bermula 26.04.2014 sehingga tarikh penyelesaian penuh . Mahkamah turut mengawadkan kos sebanyak RM600.
23.04.2015	ROAO dimasukkan oleh Pemutang Pempetisyen (JC). *(Bankruptcy Order (BO) menggantikan ROAO bagi kes-kes baharu (petisyen kebankrapan) yang difaiklan selepas 6 Oktober 2017)
07.07.2015	JC memfailkan POD bagi jumlah RM55,605.45 termasuk faedah pada kadar 8% setahun dari 26.4.2014 hingga 23.04.2015 (tarikh ROAO).

TUNTUTAN JC	
(A) Jumlah hutang Penghakiman pada: 26.06.2014 [termasuk faedah pada kadar 8 % setahun bagi tempoh dari 26.04.2014 hingga 23.04.2015 (tarikh ROAO)] Jumlah faedah (26.04.2014 – 23.04.2015) Pengiraan hari: 363 hari	<p>(i) Jumlah Penghakiman RM50,954.09</p> <p>(ii) Pengiraan JC bagi kadar faedah RM50,921.04 x 8 % x 363 hari / 365 hari = RM4,051.36</p> <p>(iii) Tambah (+) Kos yang diawadkan mahkamah = RM600</p> <p>Jumlah tuntutan JC (i)+(ii)+(iii) = RM55,605.45</p>

<u>CARA PENGIRAAN HUTANG DALAM POD BAGI TUJUAN MENGUNDI</u>	
Sebagaimana tuntutan oleh JC dalam POD yang difailkan pada 07.07.2015 tetapi tertakluk kepada:	RM55,605.45
Seksyen 6(3) Akta Had Masa 1953 6 tahun dari tarikh Penghakiman, yang mana lebih awal.	
<u>CARA PENGIRAAN HUTANG DALAM POD BAGI TUJUAN DIVIDEN</u>	
<u>Seksyen 43(6) Akta Insolvensi 1967</u> Kadar faedah bermula dari tarikh keingkaran atau tuntutan hingga ke tarikh ROAO	
<u>Seksyen 6(3) Akta Had Masa 1953</u> 6 tahun dari tarikh Penghakiman, yang mana lebih awal.	
(B) Jumlah hutang Penghakiman pada: <u>26.04.2014</u>	RM50,954.09
(C) Kadar faedah 8% setahun atas jumlah <u>RM50,954.09</u>	<u>Pengiraan:</u> $RM50,954.09 \times 8\% \times 62 \text{ hari} / 365 \text{ hari} = RM692.42$
Jumlah faedah (26.04.2014 – 26.06.2014) Pengiraan hari: 62 hari	$RM50,954.09 + RM692.42 = RM51,646.51$
(D) Kadar faedah 6% setahun atas jumlah <u>RM51,646.51</u> sebagaimana subseksyen 43(6) Akta 360	<u>Pengiraan:</u> $RM51,646.51 \times 6\% \times 301 \text{ hari} / 365 \text{ hari} = RM2,555.44$
Jumlah faedah (27.06.2014 – 23.04.2015) Pengiraan hari: 301 hari	
(E) Jumlah tuntutan yang diperakui bagi pembayaran dividen (B + C + D + Kos yang diawadkan mahkamah	$RM51,646.51 + RM2,555.44 + RM + RM600 = RM54,801.95$
(F) Jumlah tuntutan yang ditolak bagi pembayaran dividen [A-E]	$RM55,605.45 - RM54,801.95 = RM803.50$

Tandatangan Ketua Pengarah Insolvensi Dalam POD

The proof cannot be admitted for voting at the first meeting unless it is properly completed and lodged with the Director General of Insolvency before the time named in the notice convening such meeting.

Admitted to vote for RM55,605.45 this.....day of....., 20.....

(Tarikh pemeriksaan)

.....
Director General of Insolvency

Admitted to rank for dividend for RM54,801.95 this.....day of....., 20.....

(Tarikh pemeriksaan atau tarikh lain dalam masa 12 bulan dari tarikh ROAO/BO)

.....
Director General of Insolvency

Alasan Penolakan:

- (a) **RM803.50** ialah kadar faedah yang ditolak kerana terlebih kira dan bercanggah dengan perenggan 24 Jadual C Akta Insolvensi 1967.